

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	17/4/2011

Sokong produk tempatan - Dr. M

Oleh **MOHD. AINUDDIN
ALIFF SALEHUDEEN**
pengarang@utusan.com.my

KUALA LANGAT 16 April - Tun Dr. Mahathir Mohamad kesal dengan sikap sesetengah rakyat negara ini yang sering menganggap barangan buatan tempatan sebagai tidak berkualiti.

Bekas Perdana Menteri itu berkata, produk yang dikeluarkan syarikat tempatan memerlukan sokongan rakyat negara ini supaya ia dapat dikembangkan ke pasaran antarabangsa.

"Jika kita sentiasa ragu-ragu dengan produk tempatan, maka sukar untuk syarikat anak tempatan memasuki pasaran antarabangsa," katanya selepas melancarkan kapal tunda sepanjang 36 meter yang dibina syarikat pembinaan kapal tempatan, NGV Tech Sdn. Bhd. untuk Marine

Services Co. Ltd. dari Arab Saudi di Kampung Sijangkang di sini hari ini.

Sementara itu, mengulas perkara sama, Dr. Mahathir berkata, rakyat negara ini perlu menjadikan Jepun sebagai contoh kerana rakyat negara itu sentiasa menyokong produk buatan mereka.

"Di Jepun, rakyatnya akan tetap menggunakan kereta buatan mereka walaupun kereta yang dikeluarkan mempunyai masalah tertentu. Sebaliknya, kita di Malaysia lebih gemar mengkritik kereta buatan Proton yang merupakan produk tempatan," jelasnya.

Dalam pada itu ketika berucap pada majlis itu, Dr. Mahathir berkata, beliau berbangga dengan NGV Tech Sdn. Bhd. yang dimiliki oleh anak Melayu kerana telah terbukti berjaya membina kapal bertaraf antarabangsa.



DR. Mahathir Mohamad, Dr. Siti Hasmah Mohd Ali, Pengerusi Eksekutif NGV Tech Sdn. Bhd., Datuk Zulkifli Shariff dan kakitangan bergambar di hadapan kapal tunda dibina syarikat itu di Sijangkang. Kuala Langat. Selangor, semalam.